

EKOSISTEM SEKOLAH DAN PEMBENTUKAN SAHSIAH MURID: CABARAN DAN AMALAN GURU PENDIDIKAN ISLAM DI SEKOLAH LUAR BANDAR

[SCHOOL ECOSYSTEM AND STUDENT PERSONALITY FORMATION: CHALLENGES AND PRACTICES OF ISLAMIC EDUCATION TEACHERS IN RURAL SCHOOLS]

MUHAMMAD SYAFIQ SALEHUDIN¹ & MOHD ISA HAMZAH¹

¹* Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia.

Correspondent Email: marakehadapan@gmail.com

Received: 24 December 2025

Accepted: 17 January 2026

Published: 10 February 2026

Abstrak: Pembentukan sahsiah murid dalam pendidikan Islam semakin mencabar dalam landskap pendidikan semasa, khususnya apabila proses sosialisasi murid dipengaruhi oleh rakan sebaya dan media digital sejak usia awal. Cabaran ini lebih ketara di sekolah rendah luar bandar yang berhadapan dengan kekangan sosioekonomi serta keterbatasan sokongan literasi nilai. Kajian kualitatif ini bertujuan meneroka bagaimana ekosistem sekolah mempengaruhi pembentukan sahsiah murid dari perspektif guru Pendidikan Islam. Temu bual separa berstruktur telah dijalankan ke atas dua orang guru Pendidikan Islam perempuan yang mempunyai pengalaman mengajar selama 22 tahun di sebuah sekolah rendah luar bandar di Sabah. Data dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik. Dapatan kajian mengenal pasti dua tema utama, iaitu (i) peranan guru Pendidikan Islam sebagai *qudwah hasanah* dalam ekosistem sekolah yang semakin kompleks, dan (ii) pengaruh rakan sebaya serta media digital sebagai mikrosistem baharu dalam pembentukan sahsiah murid. Kajian ini mendapati bahawa walaupun guru kekal sebagai agen tarbiah utama, keberkesanan pembentukan sahsiah murid semakin bergantung kepada keselarasan keseluruhan ekosistem sekolah serta keupayaan menangani pengaruh digital yang semakin dominan. Kajian ini menyumbang kepada pemahaman yang lebih realistik dan kontekstual tentang pembentukan sahsiah murid dalam pendidikan Islam dalam era digital.

Kata Kunci: sahsiah murid, pendidikan Islam, ekosistem sekolah, qudwah hasanah, sekolah luar bandar

Abstract: Student character formation in Islamic education has become increasingly challenging in the contemporary educational landscape, particularly as students' socialization processes are increasingly shaped by peers and digital media from an early age. These challenges are more pronounced in rural primary schools facing socioeconomic constraints and limited value-based literacy support. This qualitative study explores how the school ecosystem influences student character formation from the perspective of Islamic Education teachers. Semi-structured interviews were conducted with two female Islamic Education teachers with 22 years of teaching experience in a rural primary school in Sabah. Data were analyzed using thematic analysis. The findings reveal two main themes: (i) the role of Islamic Education teachers as *qudwah hasanah* within an increasingly complex school ecosystem, and (ii) the influence of peers and digital media as new microsystems shaping student character. The study shows that while teachers remain key agents of tarbiah, the effectiveness of character formation increasingly depends on the coherence of the overall school ecosystem and the ability to respond to the growing influence of digital media. This study contributes to a more realistic and contextual understanding of student character formation in Islamic education in the digital era.

Keywords: student character, Islamic education, school ecosystem, qudwah hasanah, rural schools

Cite This Article:

Muhammad Syafiq Salehudin. (2026). Ekosistem Sekolah Dan Pembentukan Sahsiah Murid: Cabaran Dan Amalan Guru Pendidikan Islam Di Sekolah Luar Bandar [School Ecosystem And Student Personality Formation: Challenges And Practices Of Islamic Education Teachers In Rural Schools]. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE)*, 6(1), 138-149.

PENGENALAN

Pembentukan sahsiah murid dalam pendidikan Islam semakin berhadapan dengan cabaran yang kompleks dalam landskap pendidikan semasa, khususnya apabila proses sosialisasi murid tidak lagi terhad kepada ruang sekolah dan keluarga. Perkembangan media digital, perubahan struktur keluarga serta pengaruh rakan sebaya telah membentuk ekosistem pendidikan yang baharu dan sering bercanggah dengan nilai yang diterapkan melalui pendidikan formal, termasuk di sekolah rendah luar bandar.

Dalam pendidikan Islam, guru Pendidikan Islam secara tradisinya berperanan sebagai qudwah hasanah yang menjadi rujukan akhlak dan pembimbing rohani murid. Namun, autoriti nilai guru dalam konteks pendidikan semasa semakin dicabar oleh pendedahan awal murid kepada kandungan digital, penggunaan gajet tanpa kawalan serta lemahnya sokongan nilai daripada persekitaran luar sekolah. Keadaan ini menunjukkan bahawa pembentukan sahsiah murid tidak lagi boleh difahami sebagai proses yang berpusat kepada guru semata-mata, sebaliknya berlaku dalam satu ekosistem pendidikan yang kompleks dan dinamik.

Cabaran ini menjadi lebih ketara dalam konteks sekolah luar bandar yang berhadapan dengan kekangan sosioekonomi, pemantauan ibu bapa yang terhad serta akses teknologi digital yang semakin meluas tanpa sokongan literasi nilai yang mencukupi (Mohd Fadli Kadir et al., 2013; Hasbullah et al., 2020). Walaupun sekolah luar bandar sering dianggap lebih terlindung daripada pengaruh negatif, kajian mutakhir menunjukkan bahawa murid luar bandar turut terdedah kepada pengaruh rakan sebaya dan media digital yang signifikan, selari dengan perubahan ekosistem sosialisasi kanak-kanak dalam era digital (Bronfenbrenner, 1979; Livingstone, 2009).

Walaupun literatur pendidikan Islam banyak menekankan kepentingan pembentukan sahsiah melalui proses tarbiah, ta'dīb dan tazkiah, kebanyakan perbincangan masih bersifat normatif dan idealistik, dengan penekanan terhadap peranan guru sebagai pembina akhlak tanpa penerokaan mendalam terhadap realiti pelaksanaannya dalam konteks lapangan (Halipah Hamzah, 2006; Mohamad Khairi Othman & Asmawati Suhid, 2010; Ab. Halim Tamuri & Mohamad Khairul Azman Ajuhary, 2010). Akibatnya, cabaran sebenar pembentukan sahsiah murid dalam ekosistem sekolah yang dipengaruhi oleh rakan sebaya dan media digital masih kurang difahami secara empirikal, khususnya dalam konteks sekolah rendah luar bandar (Hasbullah et al., 2020).

Selain itu, kajian sedia ada cenderung membincangkan peranan guru, budaya sekolah dan pengaruh sosial murid secara terpisah, tanpa meneliti bagaimana faktor-faktor tersebut berinteraksi dalam membentuk sahsiah murid secara menyeluruh. Pendekatan ini kurang mencerminkan realiti bahawa perkembangan sahsiah murid terbentuk melalui interaksi dinamik

pelbagai sistem persekitaran yang saling mempengaruhi, seperti yang digariskan dalam Teori Ekologi Bronfenbrenner (1979).

Lebih penting, suara guru Pendidikan Islam yang berpengalaman luas masih kurang diketengahkan dalam wacana akademik, sedangkan merekalah aktor utama yang berhadapan secara langsung dengan perubahan tingkah laku dan nilai murid dalam amalan pendidikan seharian. Kekurangan kajian yang memberi tumpuan kepada perspektif guru berpengalaman ini mewujudkan jurang pengetahuan tentang bagaimana pembentukan sahsiah murid benar-benar berlaku dalam konteks sekolah luar bandar yang berdepan dengan cabaran ekosistem pendidikan yang semakin kompleks.

Sehubungan itu, kajian ini bertujuan meneroka bagaimana ekosistem sekolah mempengaruhi pembentukan sahsiah murid dari perspektif guru Pendidikan Islam di sekolah rendah luar bandar, dengan memberi tumpuan kepada peranan guru sebagai *qudwah hasanah* serta pengaruh rakan sebaya dan media digital sebagai mikrosistem baharu. Kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada pemahaman yang lebih realistik dan kontekstual tentang pembentukan sahsiah murid dalam pendidikan Islam, khususnya dalam menghadapi cabaran era digital.

SOROTAN LITERATUR: PEMBENTUKAN SAHSIAH DALAM EKOSISTEM SEKOLAH

Pembentukan Sahsiah dalam Pendidikan Islam

Pembentukan sahsiah murid merupakan teras utama dalam pendidikan Islam yang menekankan keseimbangan antara aspek rohani, emosi, intelek dan sosial. Pendidikan Islam tidak sekadar bertujuan menyampaikan pengetahuan agama, tetapi berfungsi sebagai proses tarbiah yang membentuk akhlak, adab dan keperibadian murid secara menyeluruh (Halipah Hamzah, 2006; Mohamad Khairi Othman & Asmawati Suhid, 2010). Dalam kerangka ini, sahsiah murid dibentuk melalui proses berterusan yang menggabungkan unsur pengajaran, pembiasaan dan peneladanan.

Namun demikian, kebanyakan perbincangan dalam literatur pendidikan Islam masih cenderung bersifat normatif dan idealistik dengan menekankan konsep sahsiah dan peranan pendidik secara teoritikal, tanpa penerokaan mendalam terhadap realiti cabaran pelaksanaan di lapangan (Ab. Halim Tamuri & Mohamad Khairul Azman Ajuhary, 2010). Akibatnya, pembentukan sahsiah murid sering difahami sebagai proses linear yang bergantung kepada keupayaan guru semata-mata, sedangkan konteks sosial murid semakin kompleks dan pelbagai.

Sekolah sebagai Agen Sosialisasi Nilai

Dari perspektif sosiologi pendidikan, sekolah dilihat sebagai institusi utama yang berfungsi menginternalisasikan nilai, norma dan disiplin moral masyarakat kepada generasi muda. Durkheim (1956) menegaskan bahawa melalui struktur, rutin dan interaksi sosial di sekolah, murid diasuh untuk memahami dan menerima nilai kolektif yang diperlukan bagi keharmonian sosial.

Walau bagaimanapun, pendekatan sosialisasi klasik ini mengandaikan bahawa sekolah memiliki autoriti nilai yang stabil dan dominan. Dalam konteks pendidikan semasa, andaian ini semakin dipersoalkan apabila pengaruh luar sekolah seperti rakan sebaya dan media digital mula mencabar peranan sekolah sebagai sumber nilai utama (Hasbullah et al., 2020). Justeru, peranan sekolah sebagai agen sosialisasi nilai perlu difahami dalam hubungan dengan sistem persekitaran lain yang turut mempengaruhi perkembangan murid.

Teori Ekologi dan Ekosistem Sekolah

Teori Ekologi oleh Bronfenbrenner (1979) menyediakan kerangka yang lebih holistik untuk memahami pembentukan sahsiah murid dengan menegaskan bahawa perkembangan individu dipengaruhi oleh interaksi pelbagai sistem persekitaran, termasuk mikrosistem (sekolah, keluarga, rakan sebaya), mesosistem dan makrosistem.

Walaupun teori ini sering digunakan dalam kajian pendidikan, kebanyakan kajian masih menumpukan kepada mikrosistem tradisional seperti sekolah dan keluarga, tanpa memberi perhatian yang mencukupi kepada perubahan bentuk mikrosistem akibat perkembangan teknologi digital (Hasbullah et al., 2020). Kekurangan ini menyebabkan pemahaman tentang pembentukan sahsiah murid kurang mengambil kira realiti sosialisasi digital yang semakin dominan dalam kehidupan kanak-kanak.

Peranan Guru Pendidikan Islam sebagai *Qudwah Hasanah*

Dalam konteks pendidikan Islam, guru Pendidikan Islam dilihat sebagai *qudwah hasanah* yang memainkan peranan penting dalam pembentukan sahsiah murid melalui contoh teladan, bimbingan rohani dan interaksi harian (Halipah Hamzah, 2006; Ab. Halim Tamuri & Mohamad Khairul Azman Ajuhary, 2010). Kajian terdahulu menunjukkan bahawa tingkah laku dan keperibadian guru memberi kesan langsung terhadap penghayatan nilai murid.

Namun demikian, penekanan terhadap peranan guru sebagai *qudwah hasanah* sering dibincangkan secara normatif tanpa meneliti sejauh mana keberkesanannya dapat dikekalkan dalam konteks ekosistem sekolah yang semakin dipengaruhi oleh faktor luar kawalan guru. Mohamad Khairi Othman dan Asmawati Suhid (2010), misalnya, menekankan kepentingan peranan guru, tetapi kurang membincangkan cabaran sebenar guru dalam menghadapi perubahan tingkah laku murid akibat pengaruh sosial dan teknologi.

Pengaruh Rakan Sebaya dalam Pembentukan Sahsiah Murid

Literatur menunjukkan bahawa rakan sebaya merupakan agen sosialisasi yang signifikan dalam pembentukan tingkah laku dan nilai murid. Kajian oleh Mohd Fadli Kadir et al. (2013) serta Shahidan dan Ying (2017) mendapati bahawa murid cenderung menyesuaikan tingkah laku mereka dengan norma kumpulan rakan sebaya bagi mendapatkan penerimaan sosial.

Walau bagaimanapun, kebanyakan kajian ini memberi tumpuan kepada pelajar menengah atau remaja, manakala pengaruh rakan sebaya dalam kalangan murid sekolah rendah masih kurang diterokai secara mendalam, khususnya dalam konteks sekolah luar bandar. Jurang

ini penting kerana proses pembentukan sahsiah bermula pada peringkat awal persekolahan dan dipengaruhi oleh pengalaman sosialisasi yang berterusan.

Media Digital sebagai Agen Sosialisasi Baharu

Kajian-kajian mutakhir menunjukkan bahawa media digital telah muncul sebagai agen sosialisasi baharu yang mempengaruhi nilai, bahasa dan tingkah laku kanak-kanak. Livingstone (2009) menegaskan bahawa media digital bukan sekadar medium hiburan, tetapi berfungsi sebagai ruang sosialisasi aktif yang membentuk pengalaman sosial kanak-kanak secara tidak langsung. Laporan OECD (2019) turut menunjukkan bahawa akses kepada teknologi digital dalam kalangan kanak-kanak semakin meluas tanpa mengira lokasi geografi, termasuk di kawasan luar bandar.

Walaupun demikian, kebanyakan kajian berkaitan media digital masih tertumpu kepada isu keselamatan siber atau penggunaan teknologi secara umum, tanpa mengaitkannya secara khusus dengan pembentukan sahsiah murid dari perspektif pendidikan Islam. Dalam konteks sekolah luar bandar, kajian yang menggabungkan pengaruh media digital dengan peranan guru Pendidikan Islam masih terhad, sekali gus mewujudkan jurang pengetahuan yang signifikan.

Rumusan Sorotan Literatur dan Jurang Kajian

Secara keseluruhannya, sorotan literatur menunjukkan bahawa pembentukan sahsiah murid merupakan proses kompleks yang dipengaruhi oleh interaksi pelbagai faktor dalam ekosistem pendidikan. Walaupun kajian terdahulu telah menekankan peranan guru sebagai *qudwah hasanah* serta pengaruh rakan sebaya dan persekitaran sekolah, perbincangan yang ada masih cenderung bersifat normatif dan kurang meneliti realiti cabaran pembentukan sahsiah murid dalam era digital.

Tambahan pula, kajian empirikal yang meneroka perspektif guru Pendidikan Islam berpengalaman dalam konteks sekolah luar bandar masih terhad. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk meneroka secara mendalam bagaimana ekosistem sekolah, khususnya peranan guru, pengaruh rakan sebaya dan media digital, mempengaruhi pembentukan sahsiah murid dari perspektif guru Pendidikan Islam di sekolah rendah luar bandar.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian kes bagi meneroka pengaruh ekosistem sekolah terhadap pembentukan sahsiah murid dari perspektif guru Pendidikan Islam di sekolah rendah luar bandar. Reka bentuk ini membolehkan pemahaman mendalam terhadap pengalaman dan tafsiran guru dalam konteks sebenar amalan pendidikan (Creswell & Poth, 2018).

Kajian dijalankan di sebuah sekolah rendah luar bandar di daerah Tawau, Sabah. Pemilihan lokasi dibuat berdasarkan latar belakang sosioekonomi murid yang pelbagai serta pendedahan kepada pengaruh sosial dan media digital yang semakin meluas.

Dua orang guru Pendidikan Islam perempuan yang mempunyai pengalaman mengajar selama 22 tahun dipilih sebagai informan menggunakan persampelan bertujuan. Pemilihan guru berpengalaman ini bertujuan mendapatkan pandangan reflektif dan longitudinal terhadap perubahan tingkah laku serta cabaran pembentukan sahsiah murid dalam konteks semasa.

Data dikumpulkan melalui temu bual separa berstruktur yang dijalankan secara bersemuka dan dirakam dengan keizinan informan sebelum ditranskripsikan secara verbatim. Soalan temu bual memfokuskan pengalaman guru sebagai *qudwah hasanah*, cabaran pembentukan sahsiah murid serta pengaruh rakan sebaya dan media digital.

Analisis data dijalankan menggunakan kaedah analisis tematik secara induktif melalui proses pengkodan, pengelompokan kategori dan pembentukan tema utama. Bagi memastikan kredibiliti dapatan, member checking dan perbandingan data antara informan telah dilaksanakan (Creswell & Poth, 2018). Pertimbangan etika dipatuhi dengan melindungi identiti informan dan mendapatkan keizinan dimaklumkan sebelum kajian dijalankan.

Dapatan Kajian

Bab ini membentangkan dapatan kajian yang diperoleh daripada temu bual separa berstruktur bersama dua orang guru Pendidikan Islam perempuan yang berpengalaman selama 22 tahun di sebuah sekolah rendah luar bandar. Dapatan kajian dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik dan dipersembahkan berdasarkan tema-tema utama yang muncul daripada data.

Sejajar dengan tujuan kajian dan kerangka teori yang dibincangkan dalam Bab 2, dapatan kajian ini difokuskan kepada dua tema utama, iaitu:

Peranan Guru Pendidikan Islam sebagai *Qudwah Hasanah* dalam Ekosistem Sekolah, dan Pengaruh Rakan Sebaya dan Media Digital sebagai Mikrosistem Baharu dalam Pembentukan Sahsiah Murid.

Setiap tema dihuraikan secara terperinci dengan sokongan petikan verbatim bagi mengekalkan keaslian suara informan serta menggambarkan realiti pengalaman mereka dalam konteks pembentukan sahsiah murid di sekolah luar bandar.

Tema 1: Guru Pendidikan Islam sebagai *Qudwah Hasanah* dalam Ekosistem Sekolah

Dapatan kajian menunjukkan bahawa kedua-dua informan menegaskan peranan guru Pendidikan Islam sebagai *qudwah hasanah* merupakan faktor paling signifikan dalam pembentukan sahsiah murid. Guru bukan sahaja dilihat sebagai penyampai ilmu agama, malah sebagai model akhlak yang sentiasa diperhatikan dan diteladani oleh murid dalam kehidupan seharian di sekolah.

Menurut G1, tanggungjawab sebagai guru Pendidikan Islam menuntut keselarasan antara pengajaran dan perlakuan:

“Sebagai guru agama, kami bukan sekadar mengajar isi pelajaran. Cara bercakap, cara berpakaian, cara menegur murid pun semuanya diperhati.”

Pandangan ini menunjukkan bahawa pembentukan sahsiah murid berlaku bukan hanya melalui pengajaran formal, tetapi melalui pemerhatian berterusan terhadap tingkah laku guru. Guru dilihat sebagai rujukan utama murid dalam memahami dan menghayati nilai akhlak Islam.

G2 pula menegaskan bahawa peranan *qudwah hasanah* menjadi semakin penting apabila sokongan nilai daripada persekitaran luar sekolah semakin lemah:

“Sekarang ini, ramai murid kurang bimbingan di rumah. Jadi di sekolah, guru agama lah tempat mereka tengok contoh.”

Namun begitu, kedua-dua informan turut mengakui bahawa keberkesanan peranan guru sebagai *qudwah hasanah* semakin mencabar dalam ekosistem pendidikan semasa. Walaupun guru berusaha menampilkan contoh yang baik, pengaruh luar sekolah sering melemahkan kesan tarbiah yang dibina di sekolah.

“Kalau di sekolah mereka ikut, tapi bila balik rumah atau pegang telefon, nilai itu cepat berubah.” (G1)

Dapatan ini menunjukkan bahawa peranan guru sebagai *qudwah hasanah* masih relevan dan penting, namun tidak lagi mencukupi secara bersendirian tanpa sokongan persekitaran yang konsisten.

Tema 2: Pengaruh Rakan Sebaya dan Media Digital sebagai Mikrosistem Baharu

Tema kedua yang muncul secara jelas daripada data ialah pengaruh rakan sebaya dan media digital terhadap pembentukan sahsiah murid. Kedua-dua informan menyatakan bahawa murid kini lebih mudah terpengaruh oleh rakan dan kandungan digital berbanding nasihat guru. Menurut G1:

“Sekarang ini, kawan lebih didengar daripada guru. Kalau kawan buat, dia ikut, walaupun guru sudah tegur.”

Pengaruh rakan sebaya dilihat sebagai faktor yang membentuk norma tingkah laku murid, sama ada secara positif atau negatif. Murid cenderung menyesuaikan tingkah laku mereka dengan kumpulan rakan bagi mendapatkan penerimaan sosial.

Selain rakan sebaya, media digital dikenal pasti sebagai faktor yang semakin dominan dalam membentuk nilai dan tingkah laku murid. G2 menyifatkan media digital sebagai satu bentuk ‘pendidik’ yang tidak terkawal:

“Telefon ini macam guru kedua mereka, tapi guru yang tak tapis nilai.”

Media digital bukan sahaja mempengaruhi bahasa dan gaya komunikasi murid, malah turut membentuk persepsi mereka terhadap tingkah laku yang dianggap normal atau diterima. Informan menyatakan bahawa pendedahan berterusan kepada kandungan digital tanpa

bimbingan nilai menyebabkan murid sukar membezakan antara tingkah laku yang beradab dan sebaliknya.

“Kadang-kadang murid bercakap ikut apa yang mereka tengok dalam video. Mereka rasa itu biasa, sedangkan dari sudut adab, tidak sesuai.” (G1)

Dapatan ini menunjukkan bahawa media digital berfungsi sebagai mikrosistem baharu yang memberi kesan langsung terhadap pembentukan sahsiah murid, walaupun berada di luar kawalan langsung pihak sekolah.

RUMUSAN BAB

Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa pembentukan sahsiah murid dalam konteks sekolah luar bandar dipengaruhi oleh interaksi kompleks antara peranan guru dan pengaruh persekitaran luar sekolah. Guru Pendidikan Islam kekal sebagai agen tarbiah utama melalui peranan mereka sebagai *qudwah hasanah*, namun keberkesanan peranan ini semakin dicabar oleh pengaruh rakan sebaya dan media digital yang membentuk mikrosistem baharu dalam kehidupan murid.

Bab ini memperlihatkan bahawa pembentukan sahsiah murid tidak boleh difahami secara terasing, sebaliknya perlu dilihat dalam kerangka ekosistem pendidikan yang lebih luas. Dapatan ini seterusnya menjadi asas kepada perbincangan yang lebih kritikal dalam Bab 5 berkaitan implikasi dapatan kajian terhadap teori, amalan pendidikan Islam dan pembangunan sahsiah murid.

PERBINCANGAN

Perbincangan ini bertujuan mentafsir dapatan kajian dengan mengaitkannya kepada kerangka teori dan sorotan literatur yang telah dibincangkan. Perbincangan ini bukan sekadar mengesahkan dapatan kajian terdahulu, malah memperlihatkan bagaimana pembentukan sahsiah murid berlaku dalam ekosistem sekolah luar bandar yang semakin dipengaruhi oleh perubahan sosial dan kemunculan media digital sebagai ruang sosialisasi baharu. Sejajar dengan pendekatan kualitatif, perbincangan ini menumpukan kepada makna dapatan kajian dari perspektif pengalaman sebenar guru Pendidikan Islam yang berhadapan secara langsung dengan realiti pembentukan sahsiah murid (Creswell & Poth, 2018).

Peranan Guru Pendidikan Islam sebagai *Qudwah Hasanah* dalam Ekosistem Sekolah

Dapatan kajian menunjukkan bahawa guru Pendidikan Islam masih memainkan peranan penting sebagai *qudwah hasanah* dalam pembentukan sahsiah murid. Peranan ini bukan sahaja terhad kepada penyampaian kandungan kurikulum, tetapi merangkumi keseluruhan tingkah laku, tutur kata dan interaksi harian guru yang menjadi rujukan moral murid. Dapatan ini selari dengan pandangan pendidikan Islam yang menegaskan bahawa pembentukan sahsiah berlaku melalui proses teladan (*uswah hasanah*) dan penghayatan nilai secara berterusan, bukan melalui

penyampaian ilmu secara kognitif semata-mata (Halipah Hamzah, 2006; Ab. Halim Tamuri & Mohamad Khairul Azman Ajuhary, 2010).

Dari sudut teori sosialisasi, peranan guru sebagai agen pembentukan nilai menyokong pandangan Durkheim (1956) yang melihat sekolah sebagai institusi yang berfungsi menginternalisasikan norma dan disiplin moral masyarakat kepada generasi muda. Namun demikian, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa autoriti moral guru dalam konteks pendidikan semasa tidak lagi bersifat dominan atau mutlak seperti yang diandaikan dalam teori sosialisasi klasik.

Berbeza dengan kajian terdahulu yang cenderung menekankan peranan guru secara normatif dan idealistik (Mohamad Khairi Othman & Asmawati Suhid, 2010; Hasbullah et al., 2020), kajian ini memperlihatkan realiti bahawa *qudwah hasanah* beroperasi dalam ekosistem pendidikan yang semakin kompleks. Guru bukan lagi satu-satunya sumber rujukan nilai murid, sebaliknya perlu berhadapan dengan pelbagai pengaruh luar sekolah yang semakin dominan. Hal ini menunjukkan bahawa peranan *qudwah hasanah* masih relevan, namun keberkesanannya semakin bergantung kepada keselarasan nilai dalam keseluruhan ekosistem sekolah dan persekitaran sosial murid.

Dapatan ini mengukuhkan hujah bahawa pembentukan sahsiah murid tidak boleh diletakkan sepenuhnya di bahu guru Pendidikan Islam semata-mata. Sebaliknya, ia memerlukan sokongan institusi dan persekitaran yang lebih menyeluruh agar nilai yang diterapkan melalui pengajaran dan teladan guru dapat diperkukuh secara konsisten (Hasbullah et al., 2020).

Pengaruh Rakan Sebaya dan Media Digital sebagai Mikrosistem Baharu

Salah satu dapatan signifikan kajian ini ialah pengaruh rakan sebaya dan media digital yang semakin dominan dalam pembentukan sahsiah murid. Dapatan ini menyokong Teori Ekologi Bronfenbrenner (1979) yang menegaskan bahawa perkembangan individu dipengaruhi oleh interaksi pelbagai sistem persekitaran, khususnya mikrosistem yang mempunyai hubungan langsung dengan kehidupan seharian murid seperti sekolah dan rakan sebaya.

Walau bagaimanapun, kajian ini memperluaskan kerangka teori tersebut dengan mengenal pasti media digital sebagai mikrosistem baharu yang semakin berpengaruh dalam kehidupan murid sekolah rendah. Media digital bukan sekadar medium hiburan, tetapi berfungsi sebagai ruang sosialisasi aktif yang membentuk bahasa, tingkah laku dan persepsi nilai murid secara berterusan (Livingstone, 2009). Dapatan ini menunjukkan bahawa proses sosialisasi murid tidak lagi terhad kepada interaksi fizikal, sebaliknya berlaku secara berterusan melalui pendedahan kepada kandungan digital.

Kajian terdahulu banyak menumpukan pengaruh rakan sebaya dan media terhadap golongan remaja (Mohd Fadli Kadir et al., 2013; Shahidan & Ying, 2017), manakala dapatan kajian ini menunjukkan bahawa murid sekolah rendah luar bandar juga terdedah secara signifikan kepada pengaruh tersebut. Penemuan ini mencabar tanggapan tradisional bahawa persekitaran luar bandar lebih terlindung daripada pengaruh negatif media dan rakan sebaya, sejajar dengan laporan OECD (2019) yang menunjukkan peningkatan akses teknologi digital dalam kalangan kanak-kanak tanpa mengira lokasi geografi.

Dalam konteks ini, rakan sebaya berfungsi sebagai kumpulan rujukan utama yang membentuk norma tingkah laku murid. Murid cenderung menyesuaikan tingkah laku mereka dengan norma kumpulan bagi mengekalkan penerimaan sosial, walaupun norma tersebut bertentangan dengan nilai yang diterapkan oleh guru (Shahidan & Ying, 2017). Keadaan ini menunjukkan bahawa pembentukan sahsiah murid berlaku melalui proses rundingan nilai yang kompleks, bukan penerimaan nilai secara sehalu.

Interaksi antara *Qudwah Hasanah* dan Mikrosistem Digital

Perbincangan ini memperlihatkan bahawa pembentukan sahsiah murid tidak berlaku secara terasing antara peranan guru dan pengaruh media digital. Sebaliknya, ia terbentuk melalui interaksi dinamik antara *qudwah hasanah* yang dibawa oleh guru dan mikrosistem digital yang membentuk pengalaman sosial murid di luar sekolah, selari dengan kerangka ekologi Bronfenbrenner (1979).

Dapatan kajian menunjukkan bahawa apabila nilai yang diterapkan di sekolah tidak disokong oleh persekitaran luar sekolah, murid berhadapan dengan konflik nilai yang boleh melemahkan penghayatan sahsiah. Konflik nilai ini bukan sahaja mempengaruhi tingkah laku murid, malah menjejaskan keupayaan mereka untuk menilai sesuatu perbuatan dari sudut adab dan moral Islam (Halipah Hamzah, 2006).

Situasi ini menunjukkan bahawa pendekatan pembentukan sahsiah yang bersifat linear dan berpusat kepada guru semata-mata tidak lagi mencerminkan realiti pendidikan semasa. Sebaliknya, pembentukan sahsiah murid perlu difahami sebagai hasil interaksi pelbagai sistem persekitaran yang saling mempengaruhi, termasuk keluarga, sekolah, rakan sebaya dan media digital (Bronfenbrenner, 1979; Livingstone, 2009).

Implikasi terhadap Teori dan Amalan Pendidikan Islam

Dari sudut teori, kajian ini menyumbang kepada pengembangan Teori Ekologi dengan mengiktiraf media digital sebagai mikrosistem baharu yang signifikan dalam pembentukan sahsiah murid sekolah rendah, khususnya dalam konteks luar bandar (Bronfenbrenner, 1979; Hasbullah et al., 2020). Selain itu, kajian ini memperhalusi konsep *qudwah hasanah* dengan meletakkannya dalam kerangka ekosistem pendidikan yang lebih luas, bukan sebagai faktor yang beroperasi secara terasing seperti yang sering digambarkan dalam perbincangan normatif pendidikan Islam (Ab. Halim Tamuri & Mohamad Khairul Azman Ajuhary, 2010).

Dari sudut amalan pendidikan Islam, dapatan kajian ini menegaskan keperluan kepada pendekatan pembinaan sahsiah yang lebih bersepadu dan realistik. Guru Pendidikan Islam perlu disokong melalui dasar sekolah yang konsisten, pembudayaan nilai di peringkat institusi serta penglibatan ibu bapa dan komuniti bagi memastikan nilai yang diterapkan di sekolah dapat diperkukuh dalam kehidupan seharian murid (Hasbullah et al., 2020).

RUMUSAN

Secara keseluruhannya, perbincangan ini menunjukkan bahawa pembentukan sahsiah murid dalam konteks sekolah luar bandar dipengaruhi oleh interaksi kompleks antara peranan guru Pendidikan Islam sebagai *qudwah hasanah* dan pengaruh rakan sebaya serta media digital sebagai mikrosistem baharu. Walaupun guru kekal sebagai agen tarbiah utama, keberkesanan peranan tersebut semakin bergantung kepada keselarasan keseluruhan ekosistem pendidikan. Dapatan ini menegaskan keperluan kepada pendekatan pendidikan Islam yang lebih menyeluruh dan adaptif bagi memastikan pembentukan sahsiah murid dapat dilaksanakan secara berkesan dalam menghadapi cabaran pendidikan semasa.

KESIMPULAN DAN IMPLIKASI KAJIAN

Kajian ini menegaskan bahawa pembentukan sahsiah murid dalam konteks sekolah luar bandar berlaku dalam satu ekosistem pendidikan yang kompleks dan dinamik. Dapatan kajian menunjukkan bahawa guru Pendidikan Islam kekal sebagai agen tarbiah utama melalui peranan mereka sebagai *qudwah hasanah*. Namun demikian, keberkesanan peranan tersebut semakin dicabar oleh pengaruh rakan sebaya dan media digital yang membentuk norma tingkah laku murid di luar kawalan langsung pihak sekolah.

Kajian ini turut memperlihatkan bahawa pembentukan sahsiah murid tidak boleh difahami secara terasing atau bergantung kepada satu faktor semata-mata. Sebaliknya, ia terbentuk melalui interaksi antara peranan guru, persekitaran sosial dan ekosistem digital yang saling mempengaruhi. Penemuan ini menyokong Teori Ekologi dengan memperluaskan pemahamannya melalui pengenalan media digital sebagai mikrosistem baharu yang signifikan dalam pembentukan sahsiah murid sekolah rendah.

Dari sudut amalan pendidikan, dapatan kajian ini menekankan keperluan kepada pendekatan pendidikan Islam yang lebih bersepadu dan adaptif. Guru Pendidikan Islam perlu diperkasa melalui sokongan institusi, pembudayaan nilai yang konsisten di peringkat sekolah, serta penglibatan ibu bapa dan komuniti bagi memastikan nilai-nilai yang diterapkan di sekolah dapat diperkukuh dalam kehidupan seharian murid.

Dari sudut sumbangan ilmiah, kajian ini memperkayakan literatur pendidikan Islam dengan mengetengahkan pengalaman guru berpengalaman sebagai sumber pengetahuan empirikal yang penting, di samping memperluaskan pemahaman tentang pembentukan sahsiah murid dalam era digital. Sehubungan itu, kajian lanjutan dicadangkan untuk melibatkan perspektif murid dan ibu bapa, serta meneroka pembangunan modul literasi nilai digital berteraskan pendidikan Islam bagi menyokong pembentukan sahsiah murid secara lebih holistik dan kontekstual.

RUJUKAN

- Ab. Halim Tamuri, & Mohamad Khairul Azman Ajuhary. 2010. Konsep mu'allim dalam pendidikan Islam dan hubungannya dengan pembentukan sahsiah pelajar. *Jurnal Pendidikan Islam*, 25(2): 1–15.

- Arifuddin. 2021. Pendidikan Islam sebagai agen sosialisasi nilai dalam pembentukan masyarakat berakhlak. *Jurnal Pendidikan Islam Kontemporari*, 6(1): 45–60.
- Bronfenbrenner, U. 1979. *The ecology of human development: Experiments by nature and design*. Cambridge, MA: Harvard University Press.
- Durkheim, É. 1956. *Education and sociology*. New York: Free Press. (Original work published 1922).
- Halipah Hamzah. 2006. *Pendidikan Islam dan pembinaan sahsiah*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Hasbullah, M., Ahmad, Z., & Ismail, N. 2020. Pendidikan nilai dan pembentukan sahsiah pelajar dalam persekitaran sekolah berteraskan Islam. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 45(1): 33–45.
- Mohamad Khairi Othman, & Asmawati Suhid. 2010. Peranan pendidikan Islam dalam pembentukan sahsiah pelajar Muslim. *Jurnal Pendidikan Islam*, 25(1): 55–69.
- Mohd Fadli Kadir, Rahman, S. A., & Ismail, N. 2013. Pengaruh persekitaran sekolah terhadap pembentukan sahsiah pelajar. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 38(2): 15–28.
- Shahidan, S., & Ying, L. K. 2017. Penghayatan nilai Islam dan hubungannya dengan pembentukan sahsiah pelajar. *Jurnal Pendidikan Islam Antarabangsa*, 2(1): 67–80.